

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Penggiat seni diajak promosi penyusuan susu ibu

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mahu memperluaskan usaha mempromosikan penyusuan susu ibu di negara ini dengan membabitkan pemegang taruh daripada bidang seni.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata pendekatan itu relevan berikutan hasil karya penggiat seni terbabit mempunyai daya tarikan tersendiri dalam kalangan peminatnya.

"Aktivis teater serta penulis lagu dan lirik boleh mempengaruhi dan mengupayakan ibu bapa khususnya kalangan ibu bapa bekerja, remaja, pasangan baharu atau bakal berkahwin serta seluruh masyarakat mengenai kepentingan susu ibu kepada tumbesaran bayi.

"Pendekatan ini memberi kelainan kepada kaedah advokasi dilaksanakan selama ini, selain menggalakkan pembabitkan pelbagai pihak," katanya dalam ucapan secara maya pada majlis 'Membudayakan Penyusuan Susu Ibu Melalui Seni' di Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara di sini, semalam.

Yang hadir sama, Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Prof Dr Ruslan Abdul Rahim dan Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga KKM, Dr Mohd



Dr Zaliha Mustafa

Safiee Ismail.

Dr Zaliha berkata, kementeriannya mahu melihat karya pembabitkan penggiat seni dalam mempromosikan penyusuan susu ibu dan seterusnya 'Mengupayakan Penyusuan Susu Ibu supaya dapat Memberi Perubahan Bermakna kepada Ibu Bapa Bekerja.

"Penggiat seni di negara ini boleh membantu usaha galakan penyusuan ibu dengan mempelbagaikan kaedah advokasi dan hebahan dan pada masa ini diharap dapat mencungkil bakat penggiat seni tempatan dalam men-

golah amalan penyusuan susu ibu di Malaysia.

"Oleh itu, saya berharap penggiat seni muzik, penulisan kreatif dan filem, teater dan seni halus, industri muzik dan seni, wakil universiti dan kolej yang menawarkan bidang seni serta badan, agensi atau persendirian dapat menjayakan pendekatan baharu ini," katanya.

Sehubungan itu, katanya, KKM mengharapkan kerajaan, pemegang taruh, majikan, pekerja, komuniti, ibu bapa serta penjaga dapat memainkan peranan bagi memastikan persekitaran sentiasa menyokong amalan penyusuan susu ibu selari dengan situasi global ke arah pasca pandemik.

06 OGOS 2023

AKHBAR : KOSMO AHAD
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

BELAJAR BERSALIN GUNA YOUTUBE

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

IPOH – Biarpun dunia sudah memasuki abad ke-21, masih ada lagi wanita hamil sanggup menggadaikan nyawa melahirkan anak di rumah dengan mempelajari kaedah bersalin melalui YouTube hanya kerana tidak mempercayai perubatan moden.

Bukan itu sahaja, ada juga dalam kalangan mereka yang terlalu taksub perubatan tradisional lebih rela berubat dengan bomoh atau pawang bagi memulihkan kembali kesihatan selepas melahirkan zuriat berbanding rawatan susulan di hospital.

» BERSAMBUNG DI MUKA 2

**Sanggup gadai
nyawa sebab
tidak percaya
perubatan
moden, taksub
cara tradisional**

GAMBAR HIASAN


AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEGARA

06 OGOS 2023

Suntik vaksin dahulu sebelum anak boleh bersekolah



SUNTIKAN imunisasi kepada bayi diberikan seawal kelahirannya.
— GAMBAR HIASAN

IPOH — Pihak sekolah dicadangkan untuk mengambil tindakan tegas kepada ibu bapa yang tidak mengambil suntikan imunisasi untuk anak-anak mereka sehingga menyebarkan penyakit kepada murid-murid lain.

Presiden Persatuan Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, tindakan itu sebagai langkah bagi mengatasi isu membabitkan golongan antivaksin yang masih wujud di negara ini.

"Pihak lain juga boleh membantu mengatasi masalah ini. Sebagai contoh, jika pihak sekolah mendapati ada dalam kalangan muridnya yang tidak menerima suntikan imunisasi dan menyebabkan pelajar lain dijangkiti, tindakan tegas perlu diambil.

"Pihak sekolah perlu memas-

tikan ibu bapa murid berkenaan membawa anak mereka ke hospital bagi mendapatkan imunisasi ataupun vaksinasi sewajarnya sebelum dibenarkan meneruskan sesi persekolahan," katanya kepada Kosmo! Ahad.

Dr. Zainal Ariffin memberitahu, ibu bapa yang sengaja mengabaikan kanak-kanak seperti menafikan hak mereka untuk mendapatkan suntikan imunisasi boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

Bagaimanapun, ujarnya, biarpun akta tersebut wujud, pihak berkuasa masih mengambil pendekatan untuk menasihati ibu bapa supaya memastikan anak-anak mereka menerima suntikan imunisasi.

"Mereka bukan sahaja tidak

percaya perubatan moden, bahkan sanggup pergi berubat dengan bomoh bagi mengubati penyakit sebagai alternatif kepada rawatan di hospital.

"Biarpun ada kes yang mana ia membantu mengatasi penyakit itu, namun jumlahnya sangat kecil berbanding kemudahan yang lebih banyak berlaku," ujarnya.

Tambahnya, golongan antivaksin atau tidak mempercayai perubatan moden berkemungkinan terpengaruh dengan maklumat palsu atau iklan-iklan produk kesihatan kononnya mampu mengubati penyakit tertentu.

"Ini kerana biarpun pelbagai langkah telah diambil kerajaan bagi mengatasi isu tersebut, masih wujud golongan sedemikian di negara ini," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

Selebriti promosi amalan susu ibu

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) meluaskan usaha mempromosikan susu ibu dengan melibatkan pemegang taruh daripada bidang seni di Malaysia menerusi Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia pada tahun ini.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, menerusi langkah tersebut, penggiat seni boleh membantu dengan mempelbagai kaedah advokasi dan hebahan penyusuan susu ibu di Malaysia.

"Ia sangat relevan supaya hasil karya daripada penggiat seni seperti aktivis teater, penulis lagu dan lirik kerana mereka mempunyai daya tarikan tersendiri dalam kalangan peminat seni.

"Seterusnya boleh mempengaruhi serta mengupayakan ibu bapa khususnya yang bekerja, remaja, pasangan baharu atau bakal berkahwin serta seluruh masyarakat mengenai kepentingan susu ibu kepada tumbesaran bayi," katanya berucap menerusi video rakaman maya.

Beliau berucap pada Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 'Embracing Breastfeeding Through Arts' bagi Advokasi Menangani Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam Kalangan Kanak-Kanak mela-



GAMBAR fail Dr. Zaliha ketika ditemui media selepas Perhimpunan Bulanan KKM baru-baru ini.

lui Amalan Menyusukan Bayi dengan Susu Ibu di Balai Seni Negara di sini, semalam.

Dr. Zaliha berkata, ini merupakan tahun ke-31 sambutan tersebut dengan kali ini bertepatan 'Mengupayakan Penyusuan Susu Ibu: Perubahan Bermakna kepada Ibu Bapa Bekerja'.

Tema itu memfokuskan kepada amalan penyusuan susu ibu dan pekerjaan, di mana ia mengupas mengenai kemudahan

cuti bekerja, sokongan di tempat kerja serta perspektif ibu bapa bekerja dalam usaha menjayakan penyusuan susu ibu.

"Perkara ini menggesa peranan kerajaan, pemegang taruh, majikan, pekerja, komuniti, ibu bapa serta penjaga supaya memastikan persekitaran sekeliling mereka sentiasa menyokong amalan penyusuan susu ibu.

"Langkah itu selari dengan situasi global ke arah pasca pandemik," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA

06 OGOS 2023



GAMBAR fail contoh air minuman Si Hulk di pasaran.

KPDN periksa penjualan air Si Hulk di pasaran

KUALA TERENGGANU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Diri (KPDN) akan melakukan pemeriksaan terhadap keberadaan air minuman keluaran kumpulan ajaran sesat, SiHulk di pasaran tempatan.

Timbalan Menteri KPDN, Senator Fuziah Salleh berkata, taktik pemasaran yang mendakwa air minuman bercampur madu tersebut boleh merawat sihir dan Covid-19 amat meragukan.

Sehubungan itu, beliau berkata, KPDN akan bekerjasama de-

ngan agensi berkaitan seperti Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi melakukan penguatkuasaan terhadap penjualan air SiHulk terbabit.

"Kita juga akan membuat siasatan berhubung iklan mengelirukan (boleh merawat sihir dan Covid-19).

"Siasatan akan dilakukan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011," katanya selepas merasmikan program Jelajah Jualan Rahmah peringkat Terengganu di Kuala Ibai di sini semalam.

Sebelum ini, ajaran SiHulk yang merupakan singkatan kepada *Society of Islamic Holisticism Universal Linkage Knowledge* telah difatwakan sesat oleh kebanyakan jabatan agama Islam negeri kerana jelas mensyirikkan Allah.

Sebaran ajaran itu bermula dengan penjualan air minuman bercampur madu yang didakwa mampu merawat sihir dan Covid-19.

Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) pada 20 Julai lalu mengesahkan kilang pengeluaran air

minuman terbabit di Johor telah ditutup ekoran penarikan sijil pengesahan halalnya.

Fuziah berkata, sebarang janji pemasaran sesuatu produk yang mendakwa mampu menyembuhkan penyakit memerlukan sokongan saintifik dan kelulusan KKM.

Tambah beliau, siasatan juga akan dilakukan terhadap kesahihan lesen perniagaan air minuman SiHulk tersebut memandangkan pengasasnya dikatakan sudah melarikan diri ke New Zealand.

AKHBAR : SUNDAY STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

06 OGOS 2023

10 Nation

IJN: Referral letter needed

Civil servants need to be referred by doctors for treatment

KUALA LUMPUR: A referral letter is required for government employees seeking treatment at the National Heart Institute (IJN).

It said this is in accordance with a Public Service Department circular which stated that civil servants, pensioners and their dependants must get a referral from a physician, cardiologist, or emergency physician from either government or private hospitals or clinics.

"Patients with government guarantee letter (GL) may refer to the JPA circular Appendix SR. 2.1.1 (G) provided in the official MyPPSM portal.

"They can also refer to their human resources on the process, as every government agency has its own terms and requirements on their employee's eligibility and coverage when seeking treatment at our centre," it said in a statement, Bernama reported.

"Our commitment to Malaysians' well-being and health remains steadfast."

IJN

IJN said following a circular issued by the Health director-general on guidelines for follow-up treatment at IJN for government-dependent patients, they are to be discharged to the referring hospital 12 months after undergoing a procedure or surgery.

"This is provided the patient

requires continuous follow-up treatment and management," it said, adding that it was obligated to follow the Health Ministry's guidelines.

It said that 84.7% of their workload comprises patients from the government sector (employees, pensioners, and their dependants), 14.9% are private paying patients (insurance coverage and cash) while another 0.4% are foreign patients.

IJN also explained it remained a corporatised entity fully owned by the government under the Minister of Finance Incorporated and has never been privatised.

Responding to a recent complaint claiming that IJN has been privatised and refuses to give treatment to retired civil servants, the heart specialist institution said its commitment to providing excellent healthcare to government employees has not wavered.

It also strives to offer the highest level of medical care to all patients, regardless of background.

"IJN takes seriously the accusation in the recent write-up by 'Concern Pensioners' that has been circulating in social media and WhatsApp's platforms as the contents were inaccurate and unjustified to the organisation.

"We value the unwavering support of government employees and retirees who have been with us since the early days of IJN. Their contributions have been instrumental in shaping IJN into what it is today.

"Our commitment to Malaysians' well-being and health remains steadfast," it said.

The article claimed that IJN is redirecting its patients, including government employees, to other hospitals as it is transitioning to private care.